

TINJAUAN ELEMEN KESEJAHTERAAN HIDUP DALAM KOLEKSI HADIS *AL-‘ĀFIYAH*

Robiatul Adawiyah Mohd ⁱ, Norzulaili Mohd Ghazali ⁱⁱ, Salmah Hassan ⁱⁱⁱ,

ⁱ (Corresponding author). Pensyarah, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia. Emel: adawiyah@usim.edu.my

ⁱⁱ Pensyarah, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia.
Emel: norzulaili@email.com

ⁱⁱⁱ Pensyarah, Universiti Malaysia Sabah. Emel: salmahshassan@ums.edu.my

ABSTRAK

Nikmat *al-‘Āfiyah* adalah salah satu nikmat terbesar dalam Islam selepas hidayah dan iman, sebagaimana yang dinyatakan dalam pelbagai hadis sahih riwayat Imam Bukhari, Muslim, Abu Daud, al-Tirmizi, dan lain-lain. Hadis-hadis *al-‘Āfiyah* menekankan kepentingan memohon keselamatan dan kesejahteraan yang menyeluruh dalam aspek rohani, jasmani, dan kehidupan harian. Doa ringkas yang diajarkan oleh Nabi Muhammad SAW, “*Allāhumma innī as’aluka al-‘āfiyah*” (Ya Allah, aku memohon kepada-Mu kesejahteraan), mencerminkan makna kesejahteraan yang komprehensif. Namun, elemen-elemen kesejahteraan dalam hadis *al-‘Āfiyah* ini tidak diintegrasikan dengan indeks kesejahteraan hidup moden yang lebih menekankan pengukuran material. Justeru, objektif kajian ini adalah untuk (i) meninjau dan mengenal pasti elemen-elemen kesejahteraan hidup dalam hadis *al-‘Āfiyah* dan syarahnya, (ii) mengkategorikan elemen-elemen kesejahteraan hidup dalam hadis *al-‘Āfiyah* mengikut tema kesejahteraan yang relevan berdasarkan hasil dapatan kajian. Kajian ini menggunakan metodologi kualitatif dengan pendekatan analisis teks terhadap hadis *al-‘Āfiyah* dan kitab syarah yang berkaitan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa elemen kesejahteraan dalam hadis ini relevan untuk dijadikan pengukur kesejahteraan hidup manusia secara holistik. Implikasi daripada dapatan ini menunjukkan bahawa konsep *al-‘Āfiyah* mampu melengkapkan keperluan indeks kesejahteraan hidup moden dengan lebih baik, merangkumi aspek kehidupan dunia dan akhirat.

Kata-kata kunci: hadis al-afiyah, holistik, indeks kesejahteraan

PENGENALAN

Kesejahteraan hidup adalah salah satu konsep utama dalam Islam yang mencerminkan keseimbangan dan kesempurnaan hidup seseorang di dunia dan akhirat. Dalam Islam, nikmat *al-‘Āfiyah* diakui sebagai salah satu nikmat terbesar selepas hidayah dan iman, yang merangkumi keselamatan, kesihatan, dan perlindungan dalam setiap aspek kehidupan. Konsep *al-‘Āfiyah* sering kali disebut dalam hadis-hadis Nabi Muhammad ﷺ, yang menganjurkan umatnya untuk memohon keselamatan yang menyeluruh daripada Allah SWT. Doa ringkas seperti “*Allāhumma innī as’aluka al-‘āfiyah*” (Ya Allah, aku memohon kepada-Mu kesejahteraan) merangkumi makna yang luas dan dalam tentang pentingnya keselamatan serta kesejahteraan dalam hidup.

Namun, elemen-elemen kesejahteraan dalam konsep *al-‘Āfiyah* ini tidak banyak diintegrasikan dengan pendekatan indeks kesejahteraan hidup moden, yang cenderung menekankan pengukuran material. Hal ini menimbulkan persoalan tentang bagaimana elemen kesejahteraan dalam *al-‘Āfiyah* dapat diterapkan dalam penilaian kesejahteraan hidup moden. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk meninjau dan mengenal pasti elemen-elemen kesejahteraan dalam hadis-hadis *al-‘Āfiyah* dan kitab syarahnya, serta mengkategorikan elemen-elemen tersebut untuk menilai potensi penerapan *al-‘Āfiyah* dalam pengukuran indeks kesejahteraan. Melalui kajian ini, diharapkan konsep *al-‘Āfiyah* dapat melengkapkan keperluan indeks kesejahteraan hidup moden secara lebih menyeluruh, merangkumi kesejahteraan di dunia dan akhirat.

KAJIAN LITERATUR

Kesejahteraan manusia adalah konsep yang kompleks dan sering diukur melalui pendekatan yang berbeza mengikut tujuan dan fokus sesuatu penilaian. Setiap pendekatan mencerminkan perspektif tertentu tentang apa yang dimaksudkan dengan kesejahteraan. Sebagai contoh, pendekatan ekonomi menilai kesejahteraan manusia melalui indikator kekayaan seperti pendapatan per kapita dan tahap kemiskinan, seperti yang diukur dalam Indeks Pembangunan Manusia (UNDP, 2021). Pendekatan psikologi pula memberi fokus kepada kesejahteraan subjektif dengan menilai kepuasan hidup dan keseimbangan emosi individu (Diener, 1984). Sementara pendekatan kesihatan fizikal dan mental menilai kualiti kehidupan manusia melalui kesihatan jasmani dan mental menggunakan instrumen WHOQOL (WHO, 1997). Pendekatan sosial pula menilai kesejahteraan melalui kualiti hubungan sosial dan hak asasi, seperti yang diterapkan dalam Indeks Kesejahteraan Sosial (Social Progress Imperative, 2022).

Di Malaysia, pelbagai indeks kesejahteraan diperkenalkan bagi menilai kesejahteraan rakyat secara menyeluruh. Antaranya ialah Indeks Kebahagiaan Rakyat Malaysia (MHI) 2021 menilai kebahagiaan rakyat melalui komponen-komponen utama seperti keluarga, amalan kerohanian, dan kesihatan, yang mencatatkan skor tertinggi. Selain itu, indeks ini turut merangkumi penggunaan masa, penyertaan sosial, alam sekitar, persetiaan kerja, pendidikan, keselamatan awam, kebudayaan, pengalaman emosi, kemudahan komunikasi, dan pendapatan (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2021). Selain itu, Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia (IKRM) melibatkan pelbagai komponen seperti pendidikan, pengangkutan, komunikasi, penyertaan sosial, kesejahteraan ekonomi, keselamatan awam, persekitaran bekerja, hiburan dan rekreasi, pendapatan dan pengagihan, perumahan, tadbir urus, kesejahteraan sosial, alam sekitar, kesihatan, keluarga, dan kebudayaan (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2021).

Sementara Indeks Malaysia Negara Rahmah (IMNR) mengukur kesejahteraan Malaysia melalui 12 ciri utama: (1) kepimpinan yang kompeten dan berintegriti, (2) sistem pemerintahan berasaskan semak dan imbang, (3) tadbir urus yang baik, (4) undang-undang yang adil, (5) masyarakat berilmu, berakhlak, dan penyayang, (6) institusi keluarga yang utuh, (7) hubungan etnik dan agama yang harmoni, (8) ekonomi yang mampan, (9) agihan kekayaan yang saksama, (10) pembangunan yang lestari, (11) kebajikan, kesihatan, dan keselamatan rakyat, dan (12) keamanan dan kesejahteraan sejagat (Pertubuhan IKRAM Malaysia, 2022). Manakala Indeks Kualiti Hidup Malaysia (IKHM) menilai kualiti hidup

melalui berdasarkan sepuluh bidang terpilih iaitu pendapatan dan pengagihan, persekitaran kerja, pengangkutan & komunikasi, kesihatan, pendidikan, perumahan, alam sekitar, kehidupan keluarga, penyertaan sosial dan keselamatan awam (Economic Planning Unit, 2019).

Indeks-indeks ini mencerminkan pelbagai dimensi kesejahteraan yang diukur di Malaysia untuk memastikan keseimbangan antara aspek material, sosial, dan rohani, selaras dengan konteks masyarakat Malaysia yang berbilang kaum. Namun, kajian elemen kesejahteraan berdasarkan hadis *al-‘Āfiyah* masih kurang diterokai, terutamanya dalam konteks kesejahteraan hidup yang holistik dan aplikasinya terhadap elemen kesejahteraan moden. Elemen-elemen yang terkandung dalam hadis *al-‘Āfiyah* mempunyai potensi yang besar untuk melengkapkan pengukuran kesejahteraan sedia ada dengan perspektif Islam yang lebih menyeluruh. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengisi jurang tersebut dengan meninjau elemen-elemen kesejahteraan dalam hadis *al-‘Āfiyah* serta mengenal pasti relevansinya dalam mewujudkan keseimbangan yang komprehensif antara kesejahteraan duniawi dan ukhrawi.


METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan metodologi kualitatif dengan pendekatan analisis teks terhadap koleksi hadis *al-‘Āfiyah* daripada empat buah kitab utama, iaitu Sahih al-Bukhari, Sahih Muslim, Sunan Abu Daud, dan Sunan al-Tirmizi, berserta kitab-kitab syarah yang berkaitan. Kajian ini bertujuan meneroka penerapan elemen-elemen kesejahteraan manusia yang terkandung dalam hadis-hadis sahih tersebut. Elemen-elemen kesejahteraan yang dikenal pasti dianalisis dan dikategorikan mengikut tema yang relevan bagi memberikan gambaran yang lebih holistik tentang kesejahteraan dalam konteks Islam menerusi koleksi hadis *al-‘Āfiyah*.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

1. Konsep *Al-‘Āfiyah* Dalam Hadis Berkaitan

Berdasarkan analisis terhadap 11 hadis doa memohon *al-‘Āfiyah* yang terdapat dalam kitab Sahih Bukhari, Sahih Muslim, Sunan Abi Daud, dan Sunan al-Tirmizi serta kitab-kitab syarahnya, kajian ini mendapati bahawa konsep *al-‘Āfiyah* dalam hadis Rasulullah ﷺ mencakupi kesejahteraan manusia secara menyeluruh, merangkumi pelbagai aspek kehidupan di dunia, alam barzakh, dan akhirat. Rajah 1 di bawah menunjukkan bilangan hadis mengenai *al-‘Āfiyah* yang terdapat dalam empat kitab hadis terpilih tersebut:



Rajah 1 : Kekerapan Bilangan Hadis al-Afiyah dalam 4 Kitab Hadis

Rajah (2) menunjukkan sumber 11 hadis yang dipilih daripada empat kitab utama -Sahih Bukhari, Sahih Muslim, Sunan Abu Daud, dan Sunan al-Tirmizi - yang mengandungi doa mohon *al-Āfiyah* dalam pelbagai aspek kesejahteraan hidup:

Jadual 1: Senarai Rujukan Hadis al-Āfiyah

Sumber Hadis	Nombor Hadis	Kitab/bab
Sahih Bukhari	7237, 2965, 2966, 3024, 3025 – semua hadis yang sama	<i>Kitab al-Jihad, Kitab al-Maghazi</i>
Sahih Muslim	1742, 2739, 2712, 4887	<i>Kitab al-Jihad, Kitab al-Ad'iyah wa al-Adhkar</i>
Sunan Abu Daud	2631, 5074, 1545	<i>Kitab al-Jihad, Kitab al-Adab, Kitab al-Witr</i>
Sunan al-Tirmizi	3514, 3558	<i>Kitab al-Da'awat</i>

Dalam penerangan mengenai *al-Āfiyah*, Muhammad Anwar Shah al-Kashmiri (2005) menjelaskan bahawa syariat Islam tidak menganjurkan seseorang untuk mencari atau mendedahkan dirinya kepada ujian atau bala secara sengaja. Sebaliknya, dianjurkan untuk memohon keselamatan dan kesejahteraan (*al-Āfiyah*) dari Allah. Al-Kashmiri (2005) menekankan bahawa tujuan (seperti syahid) dapat dicapai tanpa harus melalui ujian atau kesusahan yang berat. Beliau menyarankan agar seseorang memohon kepada Allah untuk tujuan yang diinginkan, sementara Allah mampu menyediakan jalan ke arah tujuan tersebut tanpa perlu melalui sebab-sebab yang berat dan menyusahkan. *Al-Āfiyah*, dalam konteks ini, merupakan bentuk doa yang ideal kerana ia merangkumi perlindungan menyeluruh dan kesejahteraan dalam hidup.

Imam al-Nawawi (1392H) dalam karya beliau, *al-Minhāj Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim*, menerangkan bahawa Rasulullah ﷺ melarang umatnya daripada berharap bertemu dengan musuh kerana hal tersebut melibatkan kebergantungan pada kekuatan diri dan kecenderungan untuk memandang rendah ancaman, yang boleh merugikan individu. Sebaliknya, Baginda ﷺ menganjurkan agar umat Islam memohon *al-‘Āfiyah*, iaitu keselamatan menyeluruh yang mencakupi perlindungan dari segala keburukan. *Al-‘Āfiyah* adalah keselamatan dalam segala aspek – fizikal, mental, dan rohani – yang melindungi seseorang dalam urusan agama, dunia, dan akhirat. Dengan meminta *al-‘Āfiyah*, seseorang mengekalkan kebergantungan kepada Allah tanpa harus menghadapi ujian berat yang mungkin mempengaruhi kestabilan dan kesejahteraan diri. Dalam konteks ini, *al-‘Āfiyah* menekankan keperluan untuk memohon keselamatan yang lebih menyeluruh sebagai bentuk keseimbangan antara kekuatan dan perlindungan ilahi.

Dalam penjelasan hadis ini juga, al-Nawawi (1392H) menerangkan bahawa Rasulullah ﷺ menekankan untuk berhati-hati dalam menghadapi keburukan dan selalu memohon *al-‘Āfiyah* sebagai bentuk keselamatan menyeluruh dari Allah. *Al-‘Āfiyah* bukan sekadar keselamatan fizikal tetapi juga mencakupi aspek psikologi, di mana seorang Muslim dididik untuk berserah diri kepada Allah saat berhadapan dengan ujian dan musibah, serta tetap tenang dan sabar. Hadis ini juga menunjukkan prinsip bahawa seseorang boleh keluar dari keadaan yang berisiko atau mencabar dengan alasan yang sah selain daripada melarikan diri (al-Nawawi, 1392H; al-Ayni, n.d).

Dalam konteks hadis *al-‘Āfiyah* yang berkaitan dengan peperangan, seperti yang direkodkan oleh keempat perawi hadis utama, Imam al-Qastalani (1323H) memberikan penjelasan mengenai larangan berharap untuk bertemu dengan musuh. Beliau menyatakan:

“Jika dikatakan: Bertemu musuh adalah bentuk jihad, dan jihad itu adalah ketaatan, maka mengapa dilarang berharap untuk bertemu musuh? Jawabnya adalah bahawa seseorang tidak tahu bagaimana keadaan akan berakhir. Kisah seorang lelaki yang mengalami luka-luka parah dalam Perang Khaybar dan akhirnya membunuh dirinya sehingga berakhir di neraka menjadi bukti untuk hal ini. Sa‘īd ibn Manṣūr meriwayatkan melalui jalur Yahyā ibn Abī Bakr bahawa Nabi bersabda: ‘Jangan berharap untuk bertemu musuh, kerana kamu tidak tahu mungkin kamu akan diuji dengannya.’ Larangan ini juga disebabkan kerana berharap untuk bertemu musuh dapat menunjukkan rasa kagum terhadap diri sendiri, bergantung pada kekuatan peribadi, serta kurangnya rasa berhati-hati terhadap musuh. Meminta syahid tidak sama dengan berharap bertemu musuh, maka seseorang boleh meminta syahid tanpa berharap bertemu dengan musuh secara langsung.”

Al-‘Āfiyah, dalam konteks ini, adalah perlindungan daripada ketakutan dan risiko yang menyertai pertemuan dengan musuh, mirip dengan perlindungan dari fitnah. Abu Bakr al-Ṣiddīq bahkan mengatakan bahawa kesejahteraan dan syukur lebih baik daripada ujian yang memerlukan kesabaran. Larangan berharap untuk bertemu dengan musuh menekankan kebergantungan kepada Allah, meminta-Nya menjaga kesejahteraan dan keamanan daripada bahaya yang tidak perlu. Sabar dalam pertempuran, menurut al-Qaṣṭallānī, adalah bentuk

kesabaran yang paling tinggi – iaitu menahan kesakitan tanpa mengeluh atau mengungkapkan kecemasan (al-Qaṣṭallānī, 1323H).

Berdasarkan analisis ini, penulis membuat kesimpulan bahawa definisi *al-‘Āfiyah* adalah seperti berikut:

“al-‘Āfiyah ialah doa keselamatan, kesejahteraan dan kebaikan dalam segala aspek – fizikal, mental, dan rohani – yang melindungi seseorang dalam urusan agama, dunia, dan akhirat serta pemeliharaan Allah daripada segala keburukan”.

Justeru, *al-‘Āfiyah* dalam konteks yang luas merujuk kepada keselamatan, kesejahteraan, dan kesempurnaan hidup yang merangkumi tiga fasa utama berdasarkan perbincangan dalam syarah hadis. Setiap fasa ini mengandungi huraian elemen yang akan diperincikan dalam hasil dapatan kedua.

2. Elemen-Elemen Kesejahteraan Dalam Hadis Al-‘Āfiyah

Dapatan kedua kajian ini meneliti elemen-elemen kesejahteraan yang terkandung dalam hadis *al-‘Āfiyah* berdasarkan perbincangan dalam syarah hadis utama. Kitab-kitab syarah seperti *al-Minhāj Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim ibn al-Ḥajjāj* oleh Imam al-Nawawī, *‘Umdat al-Qārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* oleh al-‘Aynī, dan *Irshād al-Sārī li Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* oleh al-Qaṣṭallānī memberikan perspektif menyeluruh tentang konsep *al-‘Āfiyah* dalam kehidupan dunia, alam barzakh, dan akhirat. Setiap elemen ini menunjukkan pendekatan holistik terhadap kesejahteraan, yang mencakupi aspek fizikal, mental, rohani, dan sosial dalam setiap fasa kehidupan.

i. Kesejahteraan Dunia

- a) *Kesihatan Jasmani*: Doa meminta keselamatan jasmani daripada penyakit dan kecederaan, yang memastikan kesejahteraan fizikal dalam menjalankan kehidupan harian.
- b) *Ketenangan Jiwa*: Permohonan untuk ketenangan emosi dan kestabilan mental, yang membantu individu menghadapi cabaran dengan sikap positif.
- c) *Perlindungan dari Bahaya*: Doa untuk keselamatan dari kejahatan, kemalangan, atau bahaya yang tidak diinginkan.
- d) *Hubungan Sosial yang Harmoni*: Larangan terhadap permusuhan, kebencian, dan hasad dengki untuk memastikan kesejahteraan sosial dalam masyarakat.
- e) *Kejujuran dan Moral Positif*: Anjuran untuk berlaku jujur dan menjauhi kebohongan, yang menyumbang kepada kesejahteraan moral dan integriti dalam hubungan sosial.
- f) *Keamanan sejagat*: Aman dari konflik dan ancaman luaran, baik dalam kehidupan individu mahupun masyarakat. Pemeliharaan keselamatan awam dan keamanan daripada fitnah, kekacauan, dan peperangan yang boleh mengganggu kestabilan hidup dan keharmonian sosial.
- g) *Kesejahteraan psikologi*: Doa untuk ketenangan hati, kestabilan emosi, dan kekuatan mental yang membantu individu menghadapi tekanan dan cabaran hidup dengan sabar dan ketahanan diri serta perasaan syukur dan kebergantungan kepada Allah.

ii. Kesejahteraan Alam Barzakh

- a) *Keselamatan dalam Kubur*: Doa meminta keselamatan daripada azab kubur dan perlindungan daripada fitnah di alam barzakh.
- b) *Hubungan Doa dengan Penghuni Kubur*: Mendoakan keselamatan bagi orang yang telah meninggal dunia, menunjukkan kesinambungan kesejahteraan rohani dan tanda kasih sayang serta hubungan yang berterusan antara yang hidup dan yang telah tiada.
- c) *Perlindungan dari Ketakutan di Alam Kubur*: Permohonan kepada Allah agar memberikan ketenangan dan menghindarkan ketakutan serta kecemasan dalam kubur, menguatkan ketenangan jiwa untuk menghadapi alam barzakh.
- d) *Keselamatan dalam Kubur*: Doa untuk memohon keselamatan daripada azab kubur dan perlindungan daripada fitnah serta ujian di alam barzakh, memberikan ketenangan dan keselamatan yang berkekalan.
- e) *Penyucian Rohani*: Doa untuk penyucian roh agar terlepas dari beban dosa yang dilakukan semasa hidup, membantu mendapatkan kedamaian dan kesejahteraan spiritual di alam barzakh.

iii. Kesejahteraan Akhirat

- a) *Perlindungan dari Azab Neraka*: Doa yang memohon keselamatan dari siksa dan azab akhirat, khususnya azab neraka, bagi mencapai kesejahteraan dan kedamaian abadi di akhirat.
- b) *Pengampunan dan Keampunan Ilahi*: Permohonan ampun kepada Allah untuk memastikan kedudukan yang baik dan bebas daripada dosa, sebagai asas keselamatan dan kedamaian abadi di akhirat.
- c) *Kebahagiaan dan Kesejahteraan di Syurga*: Doa untuk ditempatkan di syurga, yang menjadi bentuk tertinggi kesejahteraan di akhirat, melambangkan ganjaran abadi bagi orang yang beriman dan bertaqwa.
- d) *Keselamatan dari Fitnah Akhir Zaman*: Permohonan untuk dilindungi dari fitnah-fitnah yang muncul pada akhir zaman, yang boleh mempengaruhi iman dan kedudukan seseorang di akhirat, termasuk ujian besar yang datang sebelum kiamat.
- e) *Kesejahteraan Rohani di Sisi Allah*: Doa yang mendekatkan diri kepada Allah untuk meraih ketenangan dan kesejahteraan rohani yang abadi, di mana individu merasakan kedamaian bersama Allah sebagai ganjaran tertinggi di syurga.
- f) *Peneguhan Keimanan dan Amal Soleh*: Memohon kepada Allah agar diberikan keimanan yang kuat dan kemampuan untuk beramal soleh sepanjang hidup, sebagai bekalan yang akan memperkukuhkan kedudukan seseorang di akhirat.
- g) *Keselamatan dari Hisab yang Berat*: Doa untuk dipermudahkan hisab (perhitungan amal) dan dilindungi daripada pertanyaan yang berat di Hari Pengadilan, yang akan memberikan ketenangan dan mempercepatkan masuknya ke syurga.

Kesimpulan bagi dapatan kedua menjelaskan bahawa elemen *al-‘Āfiyah* merangkumi keselamatan dalam agama daripada fitnah, kesihatan jasmani daripada penyakit, dan keselamatan di dunia daripada kejahatan serta keburukan. *Al-‘Āfiyah* membawa maksud perlindungan menyeluruh yang melindungi seseorang daripada bahaya dan memastikan ketenangan hidup di dunia serta keselamatan di akhirat. Ia juga digambarkan sebagai anugerah terbaik selepas iman kepada Allah, kerana kebaikan dan kebahagiaan seorang hamba hanya sempurna dengan keimanan, pengampunan Allah, dan kemenangan di akhirat. Justeru, *al-*

'*Āfiyah* menjadi asas kepada kesejahteraan dunia dan perlindungan dari segala bentuk keburukan, menjadikannya salah satu doa yang paling komprehensif untuk kesejahteraan hidup.

KESIMPULAN

Al- 'Āfiyah merupakan doa dan anugerah yang menjadi asas kepada kebahagiaan, kesejahteraan dan kebaikan dalam kehidupan seorang Muslim. Sebagai anjuran daripada Rasulullah ﷺ, *al- 'Āfiyah* bukan sekadar permintaan perlindungan, tetapi juga simbol kebergantungan kepada Allah dalam setiap aspek kehidupan. Dengan mengamalkan konsep ini, diharapkan umat Islam bukan sahaja mencapai kesejahteraan di dunia, tetapi juga memperoleh kebahagiaan yang abadi di akhirat. Kajian ini menyarankan agar konsep *al- 'Āfiyah* diterapkan dalam pengukuran kesejahteraan semasa, agar ia dapat membawa manfaat yang lebih menyeluruh kepada masyarakat secara global.

PENGHARGAAN

Penulis ingin merakamkan penghargaan atas sokongan daripada Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) di bawah Skim Geran FRGS- FRGS/1/2020/SSI0/USIM/02/5

RUJUKAN

Abu Dawud, S. ibn al-Ash'ath al-Azdi al-Sijistani. (n.d.). *Sunan Abi Dawud* (ed. Muhammad Muhyi al-Din 'Abd al-Hamid). Al-Maktabah al-'Asriyyah, Saïda - Beirut.

al-'Ayni, Badr al-Din Mahmūd ibn Aḥmad. (n.d.). *'Umdat al-Qārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Beirut: Dār Ihya' al-Turāth al-'Arabī.

Al-Bukhari, M. ibn I. A. (1422H). *Al-Jami' al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar min Umur Rasul Allah salla Allahu 'alayhi wa-sallam wa-sunanihi wa-ayyamihi = Sahih al-Bukhari* (ed. Muhammad Zubayr ibn Nasir al-Nasir). Dar Tawq al-Najah

al-Kashmiri, M. A. S. (2005). *Fayḍ al-Bārī 'alā Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (M. B. 'Ālam al-Mīrtī, Ed.). Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.

al-Nawawi, Abu Zakariyya Muḥyiddīn Yaḥyā ibn Sharaf. (1972). *al-Minhāj Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim ibn al-Ḥajjāj*. Beirut: Dār Ihya' al-Turāth al-'Arabī.

al-Qaṣṭallānī, Aḥmad ibn Muḥammad. (1323 H/1905 M). *Irshād al-Sārī li Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Al-Maṭba'ah al-Kubrā al-Amīriyyah.

Al-Tirmidhi, M. ibn 'Isa ibn Sawrah al-Tirmidhi, Abu 'Isa. (1998). *Al-Jami' al-Kabir - Sunan al-Tirmidhi* (ed. Bashir 'Awwad Ma'ruf). Dar al-Gharb al-Islami - Beirut.

Diener, E. (1984). Subjective well-being. *Psychological Bulletin*, 95(3), 542–575.
<https://doi.org/10.1037/0033-2909.95.3.542>

Economic Planning Unit. (2019). *Malaysian Quality of Life Index (IKHM)*. Economic Planning

Unit, Prime Minister's Department.

Jabatan Perangkaan Malaysia. (2021). *Indeks Kebahagiaan Rakyat Malaysia (MHI)*.
Department of Statistics Malaysia.

Jabatan Perangkaan Malaysia. (2021). *Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia (IKRM)*.
Department of Statistics Malaysia.

Muslim ibn al-Hajjaj, A. al-Qushayri al-Naysaburi. (n.d.). *Al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar bi-naql al-'adl 'an al-'adl ila Rasul Allah salla Allahu 'alayhi wa-sallam* (ed. Muhammad Fu'ad Abd al-Baqi). Dar Ihya al-Turath al-'Arabi - Beirut.

Pertubuhan IKRAM Malaysia. (2022). *Indeks Malaysia Negara Rahmah (IMNR)*. Pertubuhan IKRAM Malaysia.

Social Progress Imperative. (2022). *Social Progress Index*. <https://www.socialprogress.org/>

United Nations Development Programme. (2021). *Human Development Report 2021/22*.
<https://hdr.undp.org/en/2021-22-report>